

**TEKS UCAPAN**  
**YB DATUK DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH**  
**TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN STAF UPSI 2015**

**8 JUN 2016 (RABU), 9.00 PAGI**  
**AUDITORIUM UTAMA, KAMPUS SULTAN ABDUL JALIL SHAH**

*Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillahi Robbil'alamin, Wassolatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiya'i Wal Mursalin, Wa'ala Alihi Wasohibi Ajma'in.*

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Perak Aman Jaya.

**YBHG. PROFESOR DATO' DR. ZAKARIA BIN KASA**  
Naib Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

**YBhg. Timbalan-timbalan Naib Canselor UPSI**

**Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Eksekutif UPSI**

**Dekan-dekan fakulti serta pengarah pusat tanggungjawab;**

**Wakil-wakil persatuan, kakitangan akademik, kakitangan pentadbiran dan sokongan; dan**

**Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.**

1. Terlebih dahulu, marilah kita sama-sama mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berhimpun di Majlis Anugerah Kecemerlangan Staf 2015 Peringkat UPSI pada pagi ini.
  
2. Hari ini merupakan hari yang sungguh bermakna buat semua warga UPSI ini khususnya kepada anda yang akan menerima Anugerah

Kecemerlangan Staf 2015 pada tahun ini. Saya berasa amat berbangga kerana telah dijemput untuk hadir bagi menyampaikan anugerah dan seterusnya meraikan kakitangan-kakitangan yang cemerlang dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Staf 2015 pada kali ini. Majlis ini adalah bertujuan untuk mengiktiraf warga kerja awam di universiti ini yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Tetapi ini tidak bermakna pekerja yang tidak tersenarai untuk mendapat anugerah pada hari ini tidak cemerlang. Anda juga adalah cemerlang, tetapi kita terpaksa memilih pekerja yang cemerlang di antara yang cemerlang.

*Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,*

3. Pada hari ini, kita mendapati peranan perkhidmatan awam telah berubah dengan jelas daripada fungsi tradisionalnya. Kerajaan kini memerlukan penjawat awam yang lebih berpengetahuan dan berkelayakan dalam merealisasikan peranan dan tanggungjawab yang semakin kompleks dan mencabar.

4. Kita boleh melihat bahawa cabaran besar pekerja pada hari ini ialah perubahan persekitaran yang dinamik serta ekspektasi pelanggan dan juga *stakeholders* yang semakin tinggi. Bagi melahirkan pekerja yang cemerlang dan kompeten, latihan secara berterusan harus dititik beratkan. Kita berharap para pekerja akan dapat meningkatkan lagi pengetahuan masing-masing dengan mengikuti pelbagai latihan dan kursus yang telah disediakan.

*Sidang hadirin yang dihormati sekalian,*

5. Selain itu, sektor awam juga memerlukan pekerja bukan sahaja yang cekap dan berpengetahuan tinggi, tetapi mereka juga mestilah mempunyai nilai-nilai yang murni. Apalah gunanya jika kita hanya cekap untuk menjalankan tugas, tetapi amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan, kita tolak ke tepi tanpa mengambil kira undang-undang, peraturan dan pekeliling-pekeliling yang telah ditetapkan.

6. Walau bagaimanapun, kita seharusnya bersyukur kerana pada hari ini kita melihat bahawa standard kualiti kerja kita semakin meningkat.

Sukacita saya menekankan bahawa kualiti ialah satu nilai yang sentiasa berubah. Justeru, usaha kita untuk meningkatkan kualiti dan kecemerlangan perkhidmatan awam ini hendaklah sentiasa berterusan. Orang ramai akan sentiasa mengukur pencapaian kita berdasarkan standard kualiti yang kita janjikan.

7. Selain daripada memberikan perkhidmatan yang berkualiti, penjawat awam yang cemerlang juga haruslah mempunyai kewibawaan dan nilai integriti yang tinggi dalam setiap urusan. Dalam hal ini, saya juga ingin menegaskan di sini bahawa kita tidak seharusnya berkompromi dalam soal integriti ini kerana perkara ini adalah merupakan satu elemen penting untuk dititikberatkan di setiap peringkat dalam perkhidmatan awam.
8. Budaya kerja kelas pertama memerlukan kita mengamalkan nilai-nilai murni yang boleh mengekang kita daripada melakukan sebarang penyelewengan dan pelanggaran peraturan seperti rasuah, penyalahgunaan kuasa, ketidakcekapan, pembaziran dan amalan negatif lain yang boleh melemahkan serta memberikan imej yang negatif kepada perkhidmatan awam.
9. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada para hadirin sekalian supaya kita akan terus berusaha untuk memupuk nilai-nilai positif di kalangan anggota perkhidmatan awam tanpa mengenal rasa penat dan jemu. Kita perlu menghayati ikrar terhadap nilai murni yang telah lama kita praktikkan dalam perkhidmatan awam iaitu bersih, cekap, amanah, dedikasi dan ikhlas.
10. Bagi memastikan perkhidmatan awam terus wujud berlandaskan etika yang kukuh, adalah penting supaya pihak pengurusan mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada tingkah laku warga organisasi yang berakhlak mulia. Sebarang kegiatan penyelewengan dan salah laku, haruslah ditangani dengan tindakan yang tegas dan pantas. Ini akan memberikan mesej yang jelas kepada kakitangan awam bahawa perkhidmatan awam senantiasa mengutamakan penghayatan nilai dan etika yang luhur di kalangan anggotanya.

11. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Kerajaan Malaysia sentiasa berusaha untuk membangunkan negara ini bagi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 nanti. Bagi merealisasikan hasrat ini, UPSI khususnya perlu memainkan peranan dalam memastikan universiti ini tidak dibebani dengan masalah disiplin kakitangannya. Bagi menangani permasalahan ini, semua pihak haruslah berganding bahu untuk tidak mengamalkan sikap-sikap negatif seperti sambil lewa, tiada keutamaan dan membuat kerja dengan ala kadar sahaja. Saya amat berharap agar setiap individu warga UPSI ini akan memberikan sumbangan mereka ke arah mencapai matlamat ini.

*Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,*

12. Selain dari apa yang telah diutarakan tadi, kita juga tidak boleh menafikan bahawa sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap amatlah relevan bagi memenuhi tuntutan rakyat dan masyarakat perniagaan yang kian meningkat. Sehubungan dengan itu, perkhidmatan awam perlulah komited untuk terus berusaha bagi meningkatkan lagi kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan oleh pihak Kerajaan.

13. Saya amat berharap agar hasrat murni Kerajaan ini akan diambil perhatian yang serius. Kita semua perlu sentiasa berusaha untuk mengenal pasti, menilai dan mengkaji semula amalan-amalan masa kini bagi meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kita. Ini termasuklah menambah baik sistem dan prosedur kerja sedia ada, undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, peralatan dan kelengkapan yang digunakan, serta tahap kemahiran kakitangan.

*Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,*

14. Untuk menjadi seorang pekerja yang cemerlang, kita harus mempunyai sikap rajin berusaha. Saya percaya kakitangan yang menerima anugerah pada hari ini merupakan mereka yang rajin berusaha

dan konsisten. Kita perlu mencontohi mereka dengan memupuk sikap konsisten dan berusaha dengan penuh istiqamah.

15. Akhir kata, anugerah-anugerah ini merupakan satu pengiktirafan kepada anggota kerja atas sumbangan mereka yang cemerlang terhadap universiti ini. Kepada semua penerima anugerah, saya ucapkan tahniah sekali lagi dan teruskan perkhidmatan anda yang cemerlang dan berkualiti ini. Untuk yang masih belum berpeluang untuk menerima anugerah ini, jadikanlah para penerima pada hari ini sebagai contoh anda semua dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan dan saya doakan semoga anda juga akan memperoleh kecemerlangan yang sama.

Sekian. Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.